

Ekonomi mantap jadikan Malaysia negara contoh - PM

U.M. 16 Sept 1992

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, prestasi ekonomi Malaysia yang mantap telah menyebabkan banyak pihak mengagap negara ini sebagai contoh negara-negara membangun.

Perdana Menteri menarik perhatian, pandangan itu wajar kerana Malaysia kaya dengan sumber-sumber asli di samping rakyat yang berkebolehan dan berkeyakinan untuk berjaya serta maju.

"Malaysia memperlihatkan tahap teknologi yang canggih dan sesuai dengan taraf pembangunannya. Kita tidak lagi berada di tahap pengeluar ba-

han mentah tetapi telah beralih ke tahap ekonomi yang bercirikan peningkatan pengeluaran, nilai bertambah dan perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan projek pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Petronas di sini petang ini (**gambar di muka 1**).

Menurut beliau, Malaysia merupakan satu-satunya negara di kalangan negara-negara sedang membangun yang telah berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di samping berjaya mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat serta mempu-

nyai suasana politik yang stabil.

Menyentuh mengenai pembangunan pusat bandar raya itu, Dr. Mahathir berkata, pusat itu merupakan satu-satunya pembangunan yang menjadi asas penting bagi menentukan Kuala Lumpur dibangunkan sebagai metropolis utama di peringkat antarabangsa.

"Pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur mencerminkan usahasama gabungan di antara agensi kerajaan dengan sektor swasta," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi soko-

ngan dan galakan demi menentukan supaya suasana pelaburan yang sesuai dapat diwujudkan hasil daripada perancangan pihak swasta.

Katanya, penyediaan rangkaian infrastruktur yang cekap adalah dasar kerajaan dan itu sememangnya penting dalam usaha-usaha untuk menentukan pembangunan fizikal negara.

Beliau juga memuji langkah pihak pengurusan projek itu kerana menggunakan sumber gas asli dengan banyaknya dalam menyediakan sistem penghawa dingin bagi bangunan yang bakal didirikan.